



GARIS PANDUAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 1 (TeD 1)

**Bahagian Dana
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 4, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
Tel: 603 – 8885 8316 /8186/ 8703 / 8318 / 8324
E-mel : urusetia.ted1@mosti.gov.my**

KRONOLOGI GARIS PANDUAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 1

No.	Pindaan	Perihal Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
1.	-	Penerbitan awal	1 Januari 2021
2.	Para 4: Kategori Pemohon	Terbuka kepada Politeknik dan Kolej Komuniti	1 Mac 2021
3.	Para 5: Kriteria Kelayakan	Para 5.4 dan 5.5: Bagi pemohon yang berkolaborasi, bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (<i>Letter of Acceptance</i> (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).	
4.	Para 10: Skop Pembiayaan	<u>Para 10.1: Pentadbiran</u> - Pelantikan <i>Research Officer</i> (RO) dibenarkan bagi pemohon Syarikat Pemula dan PKS dan pemohon hendaklah berkolaborasi dengan IPT. - Perbelanjaan pengangkutan berkaitan projek dibenarkan tetapi tidak melebihi 10% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI. <u>Para 10.2</u> - Penerima dana adalah dibenarkan menyalurkan peruntukan kepada rakan kolaborasi untuk item seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.	
5.	Para 5: Kriteria Kelayakan	<u>Tambahan Para 5.4</u> Agensi STI adalah merujuk kepada agensi yang menjalankan fungsi penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan STI di bawah MOSTI	
6.	Para 6: Proses Permohonan	<u>Pindaan Jadual 2: Kriteria penilaian dana TeD 1</u>	
7.	Para 7: Penyediaan Kontrak Dan Pembayaran Pertama	<u>Pindaan Tajuk Para 7:</u> Penyediaan Kontrak Dan Pembayaran Pertama Atau Bayaran Penuh (<i>lump sum</i>)	

		<u>Pindaan Para 7.5</u> Proses pembayaran pertama atau bayaran penuh (<i>lump sum</i>) kepada penerima dana akan dilaksanakan apabila MOSTI menerima perjanjian yang telah dimatikan setem.	17 Jun 2021
8.	Para 10: Skop Pembiayaan	<u>Pindaan item dibiaya</u> Loji Perintis: Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon	
9.	Para 11: Pembayaran	<u>Pindaan Jadual 5: Kaedah pembayaran projek</u> Pindaan kategori dan kaedah pembayaran bagi: a) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam b) Institusi Penyelidikan Kerajaan (penyaluran tanpa melibatkan waran) c) Institusi Penyelidikan Kerajaan (penyaluran melibatkan waran)	
10.	Para 12: Pemantauan Projek	<u>Pindaan para 12.3</u> Pembayaran berperingkat akan dibuat berdasarkan prestasi pencapaian kemajuan projek dan dokumen lengkap seperti terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian projek kecuali bagi IPTA dan GRI (penyaluran tanpa melibatkan waran).	
11.	Para 5: Kriteria Kelayakan	<u>Pindaan Para:</u> 5.1 Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pemula (start-up) yang berasaskan/ berkaitan teknologi dan inovasi perlu mematuhi syarat di bawah bagi permohonan TeD1.	12 Mei 2022

		5.1.4 Kriteria kelayakan bagi Syarikat Pemula (<i>start-up</i>) adalah seperti berikut: iv. Perniagaan berasaskan/ berkaitan teknologi dan inovasi; dan <u>Tambahan Para:</u> 5.4 Bagi permohonan daripada syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah membiayai sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah keseluruhan kos projek. 5.11 Manakala Ketua Projek yang bukan warganegara Malaysia dibenarkan untuk memohon dengan syarat: i. permit kerja adalah sah sepanjang tempoh pelaksanaan projek; dan ii. ahli projek mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia yang mempunyai bidang kepakaran yang sama dan dari institusi yang sama.	
12.	Para 8: Hasil Penyelidikan	<u>Tambahan Para:</u> 8.3 Projek di bawah TeD1 hendaklah menghasilkan: v. Infografik/ video dalam Laporan Akhir Projek (EOP)	12 Mei 2022

13.	Para 20: Pembiayaan Lain oleh Agensi Pembiaya MOSTI	<u>Tambahan Para</u> 20.1 MOSTI juga menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan/ pelaburan seperti di Lampiran 6.	
14.	Lampiran 3: Senarai Dokumen Sokongan	<u>Tambahan dokumen</u> • Borang Pengesahan Ketua Projek (secara digital)	
15.	Para 11: Pembayaran	<u>Pindaan Jadual 5: Kaedah Pembayaran Projek</u> <u>Tambahan Rajah 6:</u> Kaedah Pembayaran kepada IPTA dan GRI (penyaluran tanpa melibatkan waran) <u>Pindaan Para</u> 11.3 Pembayaran pertama akan diproses setelah MOSTI menerima perjanjian yang dimatikan setem.	
16.	Para 10: Skop Pembiayaan	<u>Pindaan Jadual 3: Skop Pembiayaan untuk Dana TeD 1</u> G08: Pentadbiran Pindaan pada Skop Pembiayaan <i>bagi Research Officer (RO)</i>	19 Julai 2022
17.	Para 7: Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama atau Bayaran Berdasarkan Milestone	<u>Pindaan Para</u> 7.1 Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara pihak bekerjasama (kolaborator) dengan menyatakan skop kerja, pemilikan IP dan pembelian peralatan semasa pelaksanaan	19 Ogos 2022

		projek. Perjanjian perlu dihantar kepada MOSTI dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat tawaran. MOSTI berhak membatalkan kelulusan sekiranya pemohon gagal mengemukakan dokumen perjanjian.	
18.	Para 7: Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama atau Bayaran Berdasarkan Milestone	<u>Pindaan Para</u> 7.1 (v) Dokumen Perjanjian Kontrak atau memadai dengan Surat Setuju Terima (LoA) kerjasama atau setara antara pihak entiti dan kolaborator	26 Ogos 2022
19.	Para 5: Kriteria Kelayakan	<u>Pindaan Para:</u> 5.4 Bagi permohonan daripada syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah membiayai sekurang-kurangnya 30% (<i>monetary</i> atau <i>in-kind</i>) daripada jumlah keseluruhan kos projek.	3 Januari 2023
20.	Para 10: Skop Pembiayaan	<u>Pindaan Jadual 4: Skop pembiayaan yang dibenarkan untuk kolaborasi</u>	
21.	Para 6: Proses Permohonan	<u>Pindaan Para:</u> 6.4 (v) Proses penilaian sehingga pemakluman keputusan akan mengambil masa selama 45 hari bekerja selepas penerimaan maklumat lengkap daripada pemohon.	31 Mac 2023

MOSTI berhak mengubah Garis Panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis

KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	8
2.	Objektif.....	8
3.	Bidang Keutamaan.....	9
4.	Kategori Pemohon	9
5.	Kriteria Kelayakan	9
6.	Proses Permohonan.....	13
7.	Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama Atau Bayaran Berdasarkan Milestone	15
8.	Hasil Penyelidikan	16
9.	Kuantum dan Tempoh Pembiayaan.....	16
10.	Skop Pembiayaan.....	17
11.	Pembayaran	22
12.	Pemantauan Projek.....	25
13.	Pemilikan dan Penggunaan Peralatan R&D.....	26
14.	Harta Intelekt (IP)	27
15.	Insentif Harta Intelekt.....	27
16.	Penamatan.....	28
17.	Penyata Perbelanjaan dan Dana yang Tidak Dibelanjakan.....	28
18.	<i>Malaysian Code of Responsible Conduct in Research</i>	29
19.	Kelulusan Etika, Kelulusan Jawatankuasa Keinstitusian BiokeSELAMATAN (IBC)/ PemaKluman dan Pematuhan kepada Peraturan-peraturan yang berkaitan	29
20.	Pembiayaan Lain Oleh Agensi Pembiayaan MOSTI.....	29

1. PENGENALAN

Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD 1) terbuka kepada penyelidik dan syarikat yang berminat untuk melaksanakan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan proses dan produk baharu dalam bidang yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan. Projek R&D tersebut hendaklah berpotensi dalam menyelesaikan permasalahan di peringkat nasional secara lestari dan holistik.

Projek yang dicadangkan hendaklah sekurang-kurangnya pada tahap formulasi konsep; iaitu pelan atau reka bentuk penghasilan teknologi, proses atau produk baru yang berpotensi untuk dikomersialkan. Hasil projek adalah teknologi prototaip baharu, proses atau produk yang nilainya dapat dihasilkan untuk pelanggan, industri dan masyarakat.

2. OBJEKTIF


2.1 Tujuan Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD 1) adalah untuk:

2.1.1 membangunkan konsep sedia ada yang berkaitan dengan reka bentuk teknologi, proses atau produk yang berpotensi untuk dikomersialkan; dan

2.1.2 merangsang pertumbuhan penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam kalangan Institut Penyelidikan Kerajaan, Agensi STI, Institusi Pengajian Tinggi, dan industri.

2.2 Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) adalah kaedah untuk menentukan kematangan teknologi ketika fasa pemerolehan program yang dibangunkan oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA). Cadangan projek di bawah TeD 1 hendaklah mencapai TRL 2 hingga TRL 4 seperti di Rajah 1 dan perinciannya di **Lampiran 1** (TRL 1- 9).

Rajah 1: Skop dana TeD 1 mengikut TRL



3. BIDANG KEUTAMAAN

3.1 Permohonan projek perlu merangkumi Rangka Kerja 10-10 *Science, Technology, Innovation & Economy* (MySTIE) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM). Pemacu Sosioekonomi adalah seperti di bawah dan bidang keutamaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

- 3.1.1 Tenaga;
- 3.1.2 Pendidikan;
- 3.1.3 Air dan Makanan;
- 3.1.4 Pertanian dan Perhutanan;
- 3.1.5 Alam Sekitar dan Biodiversiti;
- 3.1.6 Bandar Pintar dan Pengangkutan;
- 3.1.7 Perubatan dan Penjagaan Kesihatan;
- 3.1.8 Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- 3.1.9 Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;
- 3.1.10 Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu).

4. KATEGORI PEMOHON

4.1 Dana TeD 1 adalah terbuka kepada:

- i. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- ii. Syarikat Pemula (*start-up*);
- iii. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta;
- iv. Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI); dan
- v. Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan (STI).

5. KRITERIA KELAYAKAN

5.1 Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pemula (*start-up*) yang berasaskan/ berkaitan teknologi dan inovasi perlu mematuhi syarat berikut:

- a. Terbuka kepada Syarikat dan Perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala Perniagaan di Sabah dan Sarawak perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan. PKS juga hendaklah berdaftar dengan badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional.
- b. Definisi syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Jadual 1:

Jadual 1: Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	- Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta; atau - bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 75 orang.	- Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta; atau - bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 orang kepada tidak melebihi 200 orang.
Kategori	Kecil	Sederhana
Perkhidmatan dan Sektor Lain	- Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta; atau - bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 30 orang.	- Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta; atau - bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang kepada tidak melebihi 75 orang.

Sumber: SME Corporation Malaysia

- 5.2 Definisi Syarikat Pemula (*start-up*): *A technology- or innovation-enabled business at early stage with a scalable business model and a high-growth strategy.*
- 5.3 Kriteria kelayakan bagi Syarikat Pemula (*start-up*) adalah seperti berikut:
 - i. Berdaftar dengan Suruhjaya Syarikat Malaysia (SSM);

- ii. Pemilikan majoriti warganegara Malaysia (>50%);
 - iii. Modal berbayar sekurang-kurangnya RM10,000.00;
 - iv. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) pengarah syarikat;
 - v. Perniagaan berasaskan teknologi / berkaitan teknologi dan inovasi; dan
 - vi. Operasi syarikat tidak melebihi 5 tahun.
- 5.4 Bagi permohonan daripada syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah membiayai sekurang-kurangnya 30% (*monetary* atau *in-kind*) daripada jumlah keseluruhan kos projek.
- 5.5 Agensi STI adalah merujuk kepada agensi yang menjalankan fungsi penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan STI di bawah MOSTI.
- 5.6 Permohonan daripada IPTA, IPTS, GRI dan Agensi STI **digalakkan berkolaborasi** dengan Syarikat Pemula atau PKS (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (*Letter of Acceptance*, LoA) atau lain-lain dokumen yang setara).
- 5.7 Permohonan daripada Syarikat Pemula dan PKS **digalakkan berkolaborasi** dengan IPTA, IPTS, GRI atau Agensi STI.
- 5.8 Pemohon yang berkolaborasi dengan IPTA, IPTS, GRI atau Agensi STI, hendaklah melantik Research Officer (RO)/ Graduate Research Assistant (GRA) (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (*Letter of Acceptance*, LoA) atau lain-lain dokumen yang setara).
- 5.9 Semua kategori syarikat hendaklah memiliki minimum 51% ekuiti yang dipegang oleh rakyat Malaysia.
- 5.10 Pengarah syarikat atau anggota pasukan projek tidak pernah disabitkan atas kegiatan penipuan atau syarikat diisytihar mufis, atau dalam pembubaran atau di bawah *receivership*.
- 5.11 Ketua Projek yang terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja boleh mengetuai projek tetapi boleh melibatkan ahli projek daripada organisasi antarabangsa atau ekspatriat yang bekerja dari institusi yang sama.
- 5.12 Manakala Ketua Projek yang bukan warganegara Malaysia dibenarkan untuk memohon dengan syarat:
- i. permit kerja adalah sah sepanjang tempoh pelaksanaan projek; dan


- ii. ahli projek mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia yang mempunyai bidang kepakaran yang sama dan dari institusi yang sama.
- 5.13 Penyelidik yang bekerja di bawah kontrak Institusi Penyelidikan Kerajaan/ Agensi STI / IPT hendaklah memastikan bahawa kontrak pekerjaan masih sah sepanjang tempoh projek.
- 5.14 Ahli pasukan projek harus terdiri daripada ahli yang berkecualan dan cekap dalam aspek teknikal. Setiap ahli pasukan hendaklah menyediakan resume (curriculum vitae) yang jelas mengenai bidang penyelidikan, pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai.
- 5.15 Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan, surat kebenaran daripada ketua jabatan hendaklah dikemukakan.
- 5.16 Pemohon dibenarkan mengemukakan beberapa permohonan bagi projek-projek yang berbeza dengan syarat pemohon mempunyai kemampuan dari segi sumber manusia dan kewangan yang kukuh.
- 5.17 Ketua Projek hanya dibenarkan mengetuai satu projek sahaja di bawah kelulusan MOSTI pada satu masa.
- 5.18 Projek mesti dilaksanakan di Malaysia.
- 5.19 Projek yang dicadangkan perlu mengandungi elemen pembangunan eksperimental (experimental development) yang boleh di komersialkan.
- 5.20 Ketua Projek perlu memaklumkan kepada pihak MOSTI sekiranya telah menerima dana daripada pihak-pihak yang lain bagi projek yang sama.
- 5.21 Permohonan projek yang berkaitan dengan penguatkuasaan keselamatan dan pertahanan (polis dan tentera) tidak akan dibiaya di bawah skim ini.
- 5.22 Permohonan yang diterima daripada Agensi STI dan GRI bagi penambahbaikan konsep sedia ada iaitu daripada jurnal penerbitan saintifik boleh dipertimbangkan dan projek tersebut hendaklah:
- i. Bersifat inovatif;

- ii. Ketua projek perlu mengemukakan dokumen pembuktian berhubung pandangan daripada penyelidik asal berkaitan kesesuaian konsep tersebut sebelum mengemukakan permohonan; dan
- iii. Pemohon perlu mengemukakan bukti carian harta intelek bagi memastikan teknologi dan inovasi yang hendak dilaksanakan adalah sesuatu yang baharu dan mempunyai nilai komersial.

6. PROSES PERMOHONAN

6.1 Proses permohonan akan melibatkan tiga (3) peringkat utama seperti ditunjukkan di Rajah 2:

Rajah 2: Peringkat Proses Permohonan



6.2 Peringkat 1: Permohonan

- i. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan beserta dokumen sokongan seperti **Lampiran 3** melalui <https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/en/> dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- ii. Semua permohonan hendaklah disemak dan disahkan oleh pihak berautoriti di organisasi pemohon seperti Ketua Jabatan atau Pusat Pengurusan Penyelidikan. Pemohon hendaklah mengisytiharkan bahawa permohonan projek yang dikemukakan tidak pernah dibiayai oleh mana-mana pihak pembiaya.
- iii. Pemohon perlu menyertakan bersama Model Perniagaan projek seperti di **Lampiran 4**.
- iv. Permohonan yang dihantar akan disemak oleh MOSTI bagi memastikan permohonan dan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan memenuhi kelayakan asas permohonan Dana TeD 1. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.

6.3 Peringkat 2: Penilaian

- i. Permohonan yang telah lengkap akan diteliti oleh Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD) berdasarkan kriteria seperti Jadual 2.
- ii. Pemohon akan dijemput untuk membentangkan cadangan projek kepada JPD. Sekiranya perlu, pemohon akan diminta untuk meminda atau menyemak semula kertas cadangan projek bagi tujuan penambahbaikan. Proses *due diligence* akan dilakukan untuk tujuan pengesahan (jika perlu).
- iii. Keputusan dan syor JPD akan dibentangkan kepada Jawatankuasa di peringkat MOSTI.


Jadual 2: Kriteria penilaian dana TeD 1

Skim Dana	Kriteria Permarkahan			
	Teknikal	Komersial	Impak (Sosial/ Ekonomi/ Alam Sekitar)	Kewangan dan Pengurusan
TeD 1 (TRL 2 - 4)	1. Formulasi konsep 2. Keunikan/ Inovasi/ Daya Cipta Teknologi / <i>Disruptive / Game Changer</i> 3. Kebolehlaksanaan Objektif 4. Kesesuaian metodologi 5. Disokong melalui kajian asal/data saintifik 6. Pematuhan standard dan pengawalseliaan 7. Kesesuaian perancangan (milestone) (aktiviti, kos dan masa)	1. Kelebihan persaingan 2. Permintaan dan potensi pasaran (keperluan, saiz, pertumbuhan, sasaran, nic, penetration) 3. Kelestarian 4. Strategi Pasaran/ Model Perniagaan (Rangkaian dan Perancangan) 5. <i>Diffusion</i> (teknologi yang dicadangkan bersesuaian dengan situasi semasa) 6. Keberkesanan Kos	Impak Sosial 1. Kemampuan 2. Mewujudkan pekerja mahir dan berpengetahuan 3. Penyelesaian kepada permasalahan (keperluan kepada pengguna, industri dan negara) seperti keselamatan, kesihatan dan polisi) 4. Peningkatan taraf hidup Impak Ekonomi 1. Sedia untuk dipasarkan 2. Pengurangan kos 3. Berpotensi untuk dieksport 4. Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk/ perkhidmatan Impak Alam Sekitar 1. Kesan terhadap alam sekitar 2. Penggunaan sumber yang optimum	Kewangan 1. Berpotensi menjana pulangan pelaburan (ROI) 2. Kelestarian kewangan Pengurusan Projek 1. Kelayakan profesional/ pengalaman ketua projek dan ahli pasukan projek 2. Pengurusan risiko

6.4 Peringkat 3: Pemakluman Keputusan

- i. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem SDB atau e-mel.
- ii. Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan maklum balas penerimaan atau penolakan tawaran dana melalui sistem sistem SDB atau e-mel.

- iii. Keputusan jawatankuasa di peringkat MOSTI adalah **MUKTAMAD**.
- iv. Proses penilaian sehingga pemakluman keputusan akan mengambil masa selama **45 hari bekerja** selepas penerimaan maklumat lengkap daripada pemohon. Aliran proses kerja adalah seperti Rajah 3.



7. PENYEDIAAN KONTRAK DAN PEMBAYARAN PERTAMA ATAU BAYARAN BERDASARKAN MILESTONE

- 7.1 Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan dokumen berikut selepas menerima surat tawaran daripada MOSTI.
 - i. Surat Penerimaan Tawaran;
 - ii. Salinan maklumat bank (syarikat dikehendaki mewujudkan akaun bank khas bagi tujuan pelaksanaan projek);
 - iii. Salinan pendaftaran e-vendor dengan maklumat bank khas;
 - iv. Perincian *milestone* dengan peruntukan yang diluluskan; dan
 - v. Dokumen Perjanjian Kontrak atau memadai dengan Surat Setuju Terima (LoA) kerjasama atau setara antara pihak entiti dan kolaborator
- 7.2 Penerima dana akan dijemput ke sesi perbincangan perincian *milestone* berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh MOSTI.
- 7.3 Pegawai yang diberi kuasa daripada syarikat atau institusi penerima dana sahaja berhak menandatangani Perjanjian Dana TeD 1 .
- 7.4 Perjanjian akan ditandatangani oleh pengurusan atasan MOSTI dan akan dikembalikan kepada penerima dana untuk dimatikan setem.

- 7.5 Proses pembayaran pertama atau bayaran berdasarkan *milestone* kepada penerima dana akan dilaksanakan apabila MOSTI menerima perjanjian yang telah dimatikan setem.

8. HASIL PENYELIDIKAN

- 8.1 Hasil penyelidikan projek hendaklah hasil yang nyata (*tangible*), dapat diukur, atau produk tertentu yang dihasilkan dari pelaksanaan projek.
- 8.2 Hasil penyelidikan projek yang dicadangkan hendaklah berkaitan dengan objektif projek dengan memberikan kaedah yang tepat untuk mengesan / mengukur kejayaan projek.
- 8.3 Projek di bawah TeD 1 hendaklah menghasilkan:
- i. Teknologi, proses atau produk yang dihasilkan dari projek hendaklah terbukti kebolehlaksanaan bagi memastikan kesinambungan projek ke fasa seterusnya;
 - ii. Pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek yang berkaitan dengan skop projek;
 - iii. Penyelidik dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta, Institusi Penyelidikan Kerajaan dan Agensi STI hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dari hasil projek di peringkat tempatan atau antarabangsa dalam penerbitan Q1 atau Q2 ISI / WoS. Penghargaan kepada MOSTI hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan; dan
 - iv. Sekurang-kurangnya seorang modal insan (GRA-Sarjana/GRA-PhD/RO) di bawah TeD 1 (jika berkaitan).
 - v. Infografik/ video dalam Laporan Akhir Projek (EOP)

9. KUANTUM DAN TEMPOH PEMBIAYAAN

- a) Kuantum pembiayaan maksimum ialah RM1,000,000.00.
- b) Tempoh pembiayaan projek maksimum adalah 24 bulan.

10. SKOP PEMBIAYAAN

10.1 Skop Pembiayaan untuk Dana TeD 1 adalah seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Skop Pembiayaan untuk Dana TeD 1

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
G01: Loji Perintis/ prototaip	- Peralatan dan infrastruktur sokongan yang berkait langsung dengan loji perintis atau prototaip untuk peningkatan (<i>up scale</i>) - Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon - Penyewaan / Pembaikan peralatan kecil	- Aset modal seperti tanah, bangunan, kenderaan dan perabot - Penyewaan ruang, tanah, bangunan - Alat makmal - Penyelenggaraan peralatan - Komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, toner, dll.	Tidak melebihi 40% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI
G02: Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian bukan klinikal / ujian lapangan / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	- Ujian saringan - Ujian sampel - Bayaran untuk sukarelawan / individu - Analisis data (<i>man-hour</i>) - 20% dari jumlah yang diluluskan	- Kos <i>overhead</i> (bil dsb.) - Sewaan kemudahan	
G03: Harta Intelek (IP)	- Untuk pendaftaran di Malaysia sahaja, termasuk perkhidmatan penggubalan - IP yang dihasilkan dari projek i) Paten ii) Rekabentuk Perindustrian iii) Insentif	- Penyelenggaraan - Perjanjian Kerjasama Paten (PCT)	
G04: Kajian dan	Kos Pembangunan sampel pasaran	Insentif untuk responden	Tidak melebihi 10% daripada

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
penilaian pasaran	- Analisis data (<i>man-hour</i>) - Pengesahan pasaran berharga sehingga RM15,000 - Pembayaran untuk pembanci (caj / sampel)	Bayaran kemudahan sewa dan pameran	kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI Saiz sampel hendaklah mengikut standard statistik
G05: Pematuhan peraturan dan piawaian	- Pendaftaran pensijilan - Pematuhan standard (tempatan / antarabangsa) - Ujian produk untuk pensijilan - GMP, HALAL & HACCP	Latihan	
G06: Perkhidmatan ikhtisas dan khas	- Konsultasi (perjanjian / surat niat mesti diserahkan bersama dengan cadangan projek, perincian konsultasi yang akan dinyatakan) - Perunding untuk kajian dan penilaian pasaran - Bayaran yuran penerbitan	<i>Production out-sourcing</i> - Perjalanan dan pengangkutan - Pengaturan urusan mesyuarat - Langganan jurnal - Bayaran persidangan	- Tidak melebihi 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI - Syarikat yang memohon bajet untuk perkhidmatan khas (perunding untuk kajian dan penilaian pasaran) tidak layak untuk memohon bajet di bawah skop kajian dan penilaian pasaran
G07: Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	- Bahan mentah - Bahan guna habis (<i>consumable</i>)	- Reka bentuk produk dan pembungkusan - Brosur - Iklan - Reka bentuk dan pembangunan laman web - Pelancaran produk - Alat tulis seperti kertas, buku, dll	Tidak melebihi 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
G08: Pentadbiran	<u>Pemohon daripada IPT dan kolaborator IPT sahaja</u> - Melantik <i>Graduate Research Assistant</i> (GRA) / <i>Research Officer</i> (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. - Keutamaan pelantikan RO hanya akan dibenarkan sekiranya pelantikan GRA tidak dapat dilaksanakan. - Kadar elaun adalah seperti berikut: <u>GRA</u> adalah mengikut kelayakan akademik iaitu: - RM3,200 bagi GRA-PhD - RM3,000 bagi GRA-Sarjana. *Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP <u>RO</u> adalah mengikut kelayakan akademik iaitu: - RM3,200 bagi pemegang Ijazah Sarjana/ Ijazah Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek - RM3,000 bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan skop projek. *Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP.	- Yuran pengurusan - Elaun / bonus untuk kakitangan pengurusan dan teknikal - Penyewaan pejabat - Utiliti seperti telefon, jalur lebar, bil air dan elektrik	- Definisi RO: - Individu yang dilantik untuk membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan - Hendaklah mempunyai kelayakan akademik bersesuaian dengan projek R&D yang dilaksanakan; dan - Bukan berstatus pekerja di organisasi pemohon.
	<u>Pemohon daripada GRI, Agensi STI, Syarikat Pemula dan PKS</u>		Hanya pemohon daripada Syarikat Pemula dan PKS hendaklah berkolaborasi

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
	• Melantik <i>Research Officer</i> (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. • Kadar elaun RO adalah mengikut kelayakan akademik seperti berikut: a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,000. b) Mempunyai Ijazah Sarjana / Ijazah Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,200. Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP		dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT). • Definisi RO: 1. Individu yang dilantik untuk membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan 2. Hendaklah mempunyai kelayakan akademik bersesuaian dengan projek R&D yang dilaksanakan; dan 3. Bukan berstatus pekerja di organisasi pemohon.
	<u>Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan Berkaitan Projek</u> Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan untuk perjalanan domestik bagi menghadiri mesyuarat atau sesi lawatan yang diarahkan oleh MOSTI. Perjalanan terhadap kepada kelas ekonomi menggunakan laluan langsung terpendek		Tidak melebihi 10% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
	oleh pembekal perkhidmatan penerbangan kecuali dalam keadaan yang mendesak. Entiti hendaklah memohon kelulusan MOSTI jika tuntutan perjalanan dan pengangkutan selain daripada perkara yang dinyatakan di atas.		
G09: Teknologi/ Perolehan IP	• Dalam dan luar negara • Berpotensi untuk dinaik taraf • Perlu menyediakan perjanjian perolehan / perincian teknologi & IP yang diperolehi • Latihan berkaitan pemindahan teknologi dibuat di dalam negara	-	Tidak melebihi 50% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI

10.2 Penerima dana adalah dibenarkan menyalurkan peruntukan kepada rakan kolaborasi untuk item seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skop pembiayaan yang dibenarkan untuk kolaborasi

SKOP	NOTA
Loji Perintis / Prototaip	Sehingga 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan oleh MOSTI
Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian lapangan / ujian bukan klinikal / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	
Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	
Perkhidmatan Ikhtisas dan Khas	
Teknologi/Perolehan IP *Nota: IP baharu (Foreground IP) perlu dihasilkan daripada teknologi/IP yang diperolehi daripada pembiayaan ini dan dimiliki oleh entiti Malaysia	

10.3 Prosedur pembelian peralatan dan perkhidmatan:

- 10.3.1 Penerima dana hendaklah **mengemukakan sebut harga** atau bukti kukuh mengenai sebarang pembelian atau perolehan perkhidmatan seperti khidmat perundingan;
- 10.3.2 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan yang berharga **melebihi RM100,000.00 disertakan dengan 3 atau lebih sebut harga** dengan bukti yang kukuh. Kaedah 'pecah kecil' pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan adalah tidak dibenarkan;
- 10.3.3 Semua transaksi kewangan mesti dibuat dengan teratur serta dilampirkan bersama semua dokumentasi perbelanjaan termasuk invois, pesanan pembelian (PO), pesanan penghantaran (DO), penerimaan, dan lain-lain;
- 10.3.4 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan daripada **syarikat/institusi, anak syarikat atau syarikat bersekutu** adalah tidak dibenarkan;
- 10.3.5 Pesanan/ sebut harga pembelian yang dikemukakan mestilah berdasarkan pada harga pasaran semasa. **Penambahan harga dari harga asal adalah tidak dibenarkan;**
- 10.3.6 Penerima dana **tidak boleh mempunyai konflik berkepentingan** dengan kolaborator dan pembekal bahan penyelidikan, peralatan dan perkhidmatan untuk projek tersebut; dan
- 10.3.7 Segala permasalahan yang berkaitan dan tidak termasuk dalam klausa 10.3.1 hingga 10.3.6 perlu dibawa ke jawatankuasa di peringkat MOSTI untuk pertimbangan dan kelulusan.


11. PEMBAYARAN

- 11.1 Kaedah pembayaran bagi penerima dana pada Jadual 5.


Jadual 5: Kaedah pembayaran projek

KATEGORI	KAEDAH PEMBAYARAN
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	Rajah 4
Syarikat Pemula	Rajah 5
Institusi Penyelidikan Kerajaan (penyaluran melibatkan waran)	
Agensi STI	
Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Swasta	
Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam	Rajah 6
Institusi Penyelidikan Kerajaan (penyaluran tanpa melibatkan waran)	


Rajah 4: Kaedah Pembayaran kepada PKS



Rajah 5: Kaedah Pembayaran kepada Syarikat Pemula (*start-up*), IPTS, Agensi STI dan GRI (penyaluran melibatkan waran)



Rajah 6: Kaedah Pembayaran kepada IPTA dan GRI (penyaluran tanpa melibatkan waran)



11.2 Pembayaran pertama akan diproses setelah MOSTI menerima perjanjian yang dimatikan setem.

11.3 Pembayaran seterusnya adalah berdasarkan kepada jadual pembayaran

dalam perjanjian. Pembayaran akan disalurkan secara berperingkat berdasarkan pencapaian *milestone* dan prestasi perbelanjaan projek.

- 11.4 Pihak Kerajaan berhak meminda peruntukan yang telah diluluskan dan akan menetapkan nilai pembayaran pertama berdasarkan kos *milestone* pertama dan syor oleh panel penilai.

12. PEMANTAUAN PROJEK

- 12.1 Penerima dana dikehendaki mengemukakan laporan berkala berdasarkan pencapaian kemajuan projek (laporan teknikal dan kewangan teraudit) dan dokumen seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian. Sekiranya projek tersebut menunjukkan ketidakpatuhan terhadap perjanjian dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan, MOSTI berhak untuk menangguhkan projek atau menarik semula dana.
- 12.2 Aktiviti pemantauan projek merangkumi mesyuarat (secara fizikal/ atas talian) dan lawatan tapak bagi menilai pencapaian kemajuan projek.
- 12.3 Pembayaran berperingkat akan dibuat berdasarkan prestasi pencapaian kemajuan projek dan dokumen lengkap seperti terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian projek kecuali bagi IPTA dan GRI (penyaluran tanpa melibatkan waran).
- 12.4 Projek hanya boleh dilaksanakan apabila perjanjian projek ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan dimatikan setem. Perbelanjaan yang dibuat sebelum perjanjian dimatikan setem, tidak boleh dituntut dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kos projek.
- 12.5 Penerima dana dikehendaki mengemukakan Laporan Akhir Projek (EOP) kepada MOSTI dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek. Surat Penyempurnaan Projek akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan EOP daripada pihak MOSTI. Semua hasil projek mesti diletakkan nama MOSTI sebagai penyumbang dana. Laporan Akhir Projek hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
 - 12.5.1 *Deliverables* dan hasil akhir projek;
 - 12.5.2 Pencapaian objektif projek;
 - 12.5.3 Perancangan pengkomersialan / pemindahan teknologi;

- 12.5.4 Faedah projek;
- 12.5.5 Impak projek kepada nasional; dan
- 12.5.6 Senarai peralatan / kemudahan yang dibeli.
- 12.6 Bagi projek yang mempunyai potensi untuk ke peringkat dana seterusnya (TeD 2), panel akan memberi justifikasi dan syor di dalam laporan pemantauan di peringkat EOP. Projek berpotensi ini dikategorikan sebagai *fast track*.
- 12.7 Walaupun projek telah selesai, MOSTI berhak:
- Mendapatkan maklumat berkala mengenai kemajuan projek; atau
 - Menjemput penerima dana bagi penyampaian seminar; atau
 - Menjemput penerima dana untuk mengadakan pameran; atau
 - Mengadakan lawatan ke lokasi projek.
- 12.8 Semua perubahan/variasi projek adalah tertakluk kepada persetujuan bertulis dari MOSTI. Penerima dana perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada MOSTI sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum perubahan/variasi dibuat. Walau bagaimanapun, untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dan Institusi Penyelidikan Kerajaan permohonan hendaklah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

13. PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN PERALATAN R&D

- 13.1 Semua peralatan yang dibeli di bawah skim dana, hendaklah direkodkan dan ditanda dengan nombor projek bagi tujuan pemantauan dan pengesahan. Peralatan tersebut adalah milik penerima dana dan penyelenggaraan peralatan di bawah tanggungjawab penerima dana setelah projek selesai. Walau bagaimanapun, peralatan tersebut bukan untuk penggunaan penerima dana semata-mata, dan perlu bersedia untuk digunakan oleh organisasi penyelidikan lain apabila diperlukan.
- 13.2 Peralatan yang dibeli perlu direkodkan dalam sistem repositori Kerajaan dan dikemaskini maklumat peralatan sehingga Tarikh Luput Perjanjian.
- 13.3 Peralatan yang dibeli menggunakan dana ini tidak boleh dijual dan dipindahkan dalam masa dua (2) tahun setelah projek selesai.

14. HARTA INTELEK (IP)

- 14.1 Produk akhir yang dibangunkan di bawah Dana TeD 1, digalakkan untuk didaftarkan di bawah undang-undang dan pemilikan Harta Intelek (jika perlu).
- 14.2 Penerima dana hendaklah memaklumkan Kerajaan secara bertulis melalui surat rasmi atau emel, tentang kewujudan Harta Intelek Projek tidak lewat dari enam puluh (60) hari dari Tarikh Penyempurnaan Projek.
- 14.3 Penerima dana hendaklah mendapatkan kelulusan Kerajaan sebelum meneruskan sebarang aktiviti pelesenan dan pengkomersialan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian.
- 14.4 Penerima dana boleh memohon daripada Kerajaan untuk mendapatkan hakmilik Harta Intelek Projek di mana Kerajaan mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mempertimbangkan permohonan daripada penerima dana.
- 14.5 MOSTI berhak untuk mengambil semula Harta Intelek yang telah diperolehi sekiranya didapati penerima dana gagal membangunkan atau meningkatkan teknologi yang dibangunkan sebelum ini selepas 12 bulan hingga 24 bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Ini bagi memastikan teknologi serta produk yang dibangunkan mencapai ke arah pengkomersialan.

15. INSENTIF BAGI HARTA INTELEK

- 15.1 Permohonan insentif berikut boleh dibuat setelah projek selesai, dengan syarat peruntukan bagi insentif telah dinyatakan dalam permohonan dana:
 - 15.1.1 Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek: RM500.00;
 - 15.1.2 Insentif untuk pemfailan paten Harta Intelek Projek: RM5,000.00; &
 - 15.1.3 Insentif untuk pemberian paten Harta Intelek Projek: RM10,000.00.

Pembayaran insentif ini dibuat secara *one-off*.

- 15.2 MOSTI akan menyalurkan pembayaran bagi:
 - 15.2.1 Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pendedahan Harta Intelek Projek;

15.2.2 Insentif untuk memfailkan paten Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pemfailan paten Harta Intelek Projek; dan

15.2.3 Insentif pemberian hak milik Harta Intelek Projek apabila menerima bukti paten yang diberikan Harta Intelek Projek.

16. PENAMATAN

16.1 MOSTI berhak menarik balik dana sekiranya berlaku perkara berikut:

- i. Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh penerima dana;
- ii. Perubahan skop projek tanpa persetujuan bertulis daripada MOSTI;
- iii. Perubahan Ketua Projek tanpa kebenaran bertulis daripada MOSTI;
- iv. Sebarang penyalahgunaan dana;
- v. Pencapaian/ kemajuan tidak seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian; dan
- vi. Sebarang pelanggaran Perjanjian.

16.2 Jika projek ditamatkan oleh MOSTI, penerima dana hendaklah membayar balik jumlah dana yang telah disalurkan.

16.3 MOSTI berhak, pada bila-bila masa, untuk mengkaji, menggantung atau menarik balik kelulusan apa-apa dana atau pembayaran; dan

16.4 MOSTI berhak untuk membuat tuntutan terhadap penerima dana atas segala kerugian yang timbul akibat sebarang kegagalan pihak penerima dana seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.

17. PENYATA PERBELANJAAN DAN DANA YANG TIDAK DIBELANJAKAN

17.1 MOSTI berhak meminta penerima dana untuk menyerahkan penyata perbelanjaan pada bila-bila masa semasa tempoh projek atau untuk memberikan maklumat tambahan bagi menyokong perbelanjaan interim atau akhir.

17.2 Penerima dana hendaklah mengembalikan jumlah dana yang tidak dibelanjakan kepada MOSTI dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Bagi projek yang ditamatkan, penerima dana

perlu mengembalikan jumlah dana yang telah disalurkan, kepada MOSTI dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis penamatan.

18. MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH

Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*.

19. KELULUSAN ETIKA, KELULUSAN JAWATANKUASA KEINSTITUSIAN BIOKESELAMATAN (IBC)/ PEMAKLUMAN DAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN

- 19.1 Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan dan memberikan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan jika diperlukan.
- 19.2 Bagi projek yang memerlukan ujian terhadap manusia atau haiwan, Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan etika (*ethical clearance*) dan mengemukakan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 19.3 Bagi projek yang melibatkan organisma hidup terubah suai (*living modified organisms*, LMOs), Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan/ berkaitan dan mengemukakan salinan permohonan untuk kelulusan Lembaga Biokeselamatan Negara.
- 19.4 Maklumat mengenai penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisional (*biological and associated traditional knowledge*) hendaklah dilengkapi dengan mengisi borang di **Lampiran 5**.

20. PEMBIAYAAN LAIN OLEH AGENSI PEMBIAYA MOSTI

- 20.1 MOSTI juga menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan/ pelaburan seperti di Lampiran 6.

Lampiran 1

TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI

Tahap TRL	Penerangan	Ciri-ciri
TRL 1	<i>Basic Principle</i>	• <i>Technology research</i> • <i>Pure science begins translation to R&D</i>
TRL 2	<i>Formulation of Concept</i>	• <i>Early studies for application formulation</i> • <i>Invention & Practical Application Begins</i>
TRL 3	<i>Experimental Proof of Concept</i>	• <i>Analytical validation & proof of concept</i> • <i>Start active research & development</i>
TRL 4	<i>Lab validation</i>	• <i>Validation in laboratory environment</i> • <i>Ready to begin bridge for technology transition</i>
TRL 5	<i>Validation in real environment</i>	• <i>Validation in relevant environment</i> • <i>Ready to enter technology development</i>
TRL 6	<i>Demonstration in real environment</i>	• <i>Demonstrated in relevant environment</i> • <i>Ready to enter system development</i>
TRL 7	<i>Demonstration of prototype</i>	• <i>Demonstrated in operational environment</i> • <i>Ready for limited production decision</i>
TRL 8	<i>Product/System complete and qualified</i>	• <i>Compliant, qualified & test/demo complete</i> • <i>Ready for operational evaluation</i>
TRL 9	<i>Product/System proven</i>	• <i>Completed operational evaluation</i> • <i>Ready for full-rate</i>

BIDANG KEUTAMAAN DANA TeD 1

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu)	• Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran dan Masyarakat Lestari • Kilang Pintar Generasi Baharu • Pembuatan Peranti Pintar dan Pembangunan Teknologi
Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	• Kesihatan Digital • Perubatan Jitu • Hab Ujian Klinikal bagi Negara Membangun
Pertanian dan Perhutanan;	• Makanan Laut Nilai Tinggi • Makanan Halal Premium • Input Pertanian Tempatan • Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan
Air dan Makanan	• Buah-buahan Tropika Premium • Makanan Unggul (“Superfood”) Tempatan • Pengurusan Bersepadu Sumber Air
Bandar Pintar dan Pengangkutan	• Pengurusan Bersepadu Infrastruktur dan Infostruktur Bandar • Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung • Reka Bentuk dan Analisis Berpaksikan Manusia
Tenaga	• Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui • Sistem Penyimpanan Tenaga • Grid Mikro

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Alam Sekitar dan Biodiversiti;	• Biodiversiti Jitu • Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan
Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;	• Model Perniagaan Langganan dan Platform Perkongsian • Perkhidmatan Berdigital & Berautonomi • Teknologi Kewangan dan Kewangan Islam
Pendidikan	• Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Penyesuaian Peribadi • Pensijilan Mikro • Pembelajaran Dalam Talian Global: Mempromosikan Kandungan Tempatan
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	• Kandungan Kreatif dan Warisan • Pelancongan Digital • Pelancongan Nilai Tinggi

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN

Syarikat Pemula / PKS		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital & Salinan bercetak	Muat naik sistem SDB & dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2	Carian SSM Terkini (Maklumat Korporat daripada Portal MyDATA)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
3	Permit bekerja bagi ahli projek bukan warganegara/ surat pelantikan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Laporan Kewangan Teraudit Terkini (perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
5	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
6	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB		√
7	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) antara Entiti dan Perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
9	Resume ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
10	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11	Penyata KWSP Syarikat (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
12	Carian Insolvensi (syarikat dan ahli projek)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
13	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
14	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

Agensi STI/ Institut Penyelidikan Kerajaan/ Institut Pengajian Tinggi		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital & Salinan bercetak	Muat naik sistem SDB & dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
3	Resume ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
6	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) antara Pemohon dan Perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8	Carian Insolvensi (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
9	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
10	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

MODEL PERNIAGAAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

<u>Rakan Kongsi Utama</u> Siapa rakan kongsi utama? Siapa pembekal utama? Apa yang akan diterima daripada mereka? Diberi kepada mereka?	<u>Aktiviti Utama</u> Apa aktiviti utama yang diperlukan? Pembuatan? Perisian? Jaringan Pembekal?	<u>Nilai yang Diberikan</u> Apakah masalah pelanggan yang ingin diselesaikan? Apakah keperluan pelanggan untuk dipenuhi? Apakah ciri utama produk yang mampu memenuhi kehendak pelanggan/ masalah?	<u>Hubungan Pelanggan</u> Bagaimana untuk mendapat, mengekalkan dan meningkatkan pelanggan?	<u>Pelanggan</u> Siapa pelanggan terpenting? Apakah <i>archetypes</i> pelanggan? Apakah tindakan yang dikehendaki pelanggan?
	<u>Sumber Utama</u> Apakah sumber utama yang diperlukan? Kewangan, fizikal, harta intelek, sumber manusia?		<u>Saluran</u> Apakah saluran yang diinginkan oleh pelanggan untuk dicapai?	
<u>Kos</u> Apakah kos utama yang terlibat dalam model perniagaan ini?			<u>Pendapatan dan Faedah</u> Bagaimana wang dijana? Apakah model keuntungan? Taktik harga?	

MAKLUMAT PENGGUNAAN SUMBER BIOLOGI DAN PENGETAHUAN TRADISIONAL BERSAMA (JIKA BERKAITAN)

1. Adakah sumber biologi atau pengetahuan tradisional yang berkaitan dengan sumber biologi atau maklumat yang berkaitan dengannya digunakan dalam penemuan ini.

☐ Ya ☐ Tidak

2. Sekiranya ya, berikan butiran:

- i. Negara :
- ii. Negeri :
- iii. Tarikh kebenaran:
- iv. Tarikh Perjanjian perkongsian faedah:

Salinan permit disertakan bersama borang ini.

3. Tarikh pemberitahuan permohonan ini untuk paten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Nasional di bawah Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

Salinan bukti penerimaan pemberitahuan disertakan bersama borang ini.

Lampiran 6

MAKLUMAT AGENSI PEMBIAYA DI BAWAH MOSTI

Bil.	Nama Agensi	Instrumen Pembiayaan	Portal Permohonan	Fungsi
1.	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)	Pinjaman	https://www.mdv.com.my	Menawarkan pinjaman konvensional dan teroka (venture debt) kepada syarikat teknologi tempatan. Bidang fokus utama MDV adalah Teknologi Hijau, Bioteknologi, Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), Tenaga Boleh Baharu dan <i>Emerging Technology</i> .
2.	Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)	Ekuiti	https://www.mavcap.com	Menyediakan kemudahan pembiayaan modal teroka (ekuiti) melalui mekanisme Fund of Funds (FoF) kepada syarikat startup daripada peringkat permulaan sehingga peringkat matang dalam bidang teknologi ICT, Teknologi Hijau, <i>Deep Technology</i> dan <i>Financial Technology</i> .
3.	Kumpulan Modal Perdana (KMP)	Ekuiti	https://www.modalperdana.com	Menyediakan kemudahan pembiayaan modal teroka/pelaburan langsung (ekuiti) dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) dan sektor Tenaga Boleh Diperbaharui/Tenaga Hijau kepada syarikat-syarikat startup yang berpotensi dari dalam dan luar negara.
4.	Cradle Fund Sdn Bhd (CRADLE)	Geran	https://www.cradle.com.my	Menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran kepada syarikat startup teknologi tempatan di peringkat permulaan (pre-seed dan seed) dalam bidang <i>deep tech</i> dan <i>non deep tech</i> .
5.	Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)	Hibrid (Geran + Pinjaman Boleh Ubah (CPN))	https://www.mtdc.com.my	Menyediakan kemudahan pembiayaan dalam bentuk hibrid yang merangkumi geran dan <i>Convertible Promissory Note (CPN)</i> kepada syarikat startup atau SME berasaskan teknologi.